PENGALAMAN DAN CABARAN PENGEMISAN DALAM KALANGAN KANAK-KANAK GELANDANGAN DI MALAYSIA: IMPLIKASI TERHADAP INTERVENSI KERJ SOSIAL

Muhammad Shukur Bin Md Yusop*
Kolej Poly-Tech MARA Kuantan
shukur@kptm.edu.my

Abstrak: Isu pengemisan dalam kalangan kanak-kanak gelandangan merupakan fenomena sosial yang kompleks dan semakin ketara di kawasan bandar Malaysia. Penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti pengemisan bukan sahaja mencerminkan kemiskinan struktur, malah menunjukkan kelemahan sistem perlindungan sosial dalam menjamin hak dan kesejahteraan kanak-kanak. Kertas konsep ini bertujuan menganalisis isu pengemisan kanak-kanak gelandangan berdasarkan pendekatan berasaskan hak kanak-kanak serta meneliti peranan kerja sosial dalam menangani permasalahan ini secara holistik. Perbincangan dijalankan melalui analisis konseptual berasaskan sorotan literatur, dasar sosial, dan kerangka teori kerja sosial, khususnya Konvensyen Hak Kanak-kanak (CRC) dan Teori Ekologi Bronfenbrenner. Analisis menunjukkan bahawa kanak-kanak yang terlibat dalam pengemisan sering dinafikan hak asas seperti perlindungan, pendidikan dan keselamatan, manakala pendekatan penguatkuasaan semata-mata didapati kurang berkesan dalam menangani akar umbi permasalahan. Sehubungan itu, kertas ini menegaskan keperluan peranan kerja sosial yang lebih proaktif melalui intervensi bersepadu merangkumi tahap mikro, mezzo, dan makro, termasuk advokasi dasar, pemerkasaan keluarga, dan kolaborasi rentas agensi. Kertas konsep ini diharapkan dapat menyumbang kepada perbincangan akademik dalam bidang kemanusiaan dan sains sosial, serta menjadi panduan konseptual kepada pengamal dan pembuat dasar dalam melindungi hak kanak-kanak gelandangan.

Kata kunci: hak kanak-kanak, kerja sosial, kanak-kanak gelandangan, pengemisan, perlindungan sosial

1. Pengenalan

Dalam hal ini, keadaan fenomena gelandangan kanak-kanak adalah isu sosial yang kompleks dan memerlukan pendekatan multidimensi untuk memahaminya bukan hanya sebagai masalah individu, tetapi bagaimana ia dipengaruhi oleh keluarga, sebab yang mendalam dan kesannya, alam persekitaran dan masyarakat yang lebih luas. Di Malaysia, tekanan urbanisasi, migrasi dalaman dan tekanan ekonomi bandar telah mencipta kelompok-kelompok yang menghidap ketidakstabilan tempat tinggal dan ketidakseimbangan akses kepada pelbagai sumber asas.

Walau bagaimanapun, daripada perspektif kesejahteraan kanak-kanak, aktiviti seumpama itu memberi implikasi besar terhadap perkembangan sosioekonomi psikologi belia dan seterusnya. Saari et al. (2021) menjelaskan bahawa peningkatan kemiskinan kanak-kanak selepas pandemik COVID-19 telah meningkatkan risiko kanak-kanak terlibat dalam kehidupan jalanan dan pekerjaan tidak formal.

Di samping itu, Teori Ekologi Bronfenbrenner menjadi landasan teoritis yang signifikan dalam menjelaskan bagaimana pengalaman hidup kanak-kanak gelandangan dibentuk melalui interaksi pelbagai sistem sosial yang saling mempengaruhi. Teori ini menerangkan bahawa perkembangan seseorang individu dipacu oleh mikrosistem seperti keluarga dan interaksi harian, mesosistem yang merangkumi hubungan antara institusi sosial, eksosistem yang melibatkan struktur dasar serta organisasi, dan makrosistem yang mencerminkan nilai budaya, ekonomi serta ideologi masyarakat (Bronfenbrenner, 1979). Dalam isu pengemisan, ketidakstabilan keluarga, masalah hubungan pendidikan, keterbatasan struktur bantuan sosial, dan stigma sosial terhadap golongan gelandangan mewujudkan satu ekosistem kerentanan yang rumit. Justeru, kerangka konseptual ini menegaskan bahawa pengemisan dalam kalangan kanak-kanak lahir daripada interaksi dinamik antara dimensi hak, struktur sosial, dan persekitaran perkembangan, sekali gus menuntut intervensi yang bersifat pelbagai peringkat.

Isu ini perlu dilihat dalam konteks struktur sosial yang lebih menyeluruh. Aktiviti mengemis bukan hanya berpunca daripada pilihan individu, sebaliknya dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti kemiskinan di kawasan bandar, ketiadaan rangkaian sokongan sosial, disfungsi keluarga, serta ketidaksamaan akses terhadap peluang ekonomi. Justeru, kajian akademik yang berlandaskan teori sosial dan bidang kerja sosial sangat penting untuk meneliti serta memahami realiti kehidupan kanak-kanak gelandangan dengan lebih mendalam.

Di Malaysia, permasalahan gelandangan sering dirujuk kepada Akta Orang-Orang Papa 1977 (Akta 183) yang memperuntukkan kuasa kepada pihak berkuasa untuk menjalankan operasi menyelamat, menempatkan individu ke institusi, serta melaksanakan proses pemulihan. Namun demikian, pendekatan yang menekankan aspek kawalan sosial dan penguatkuasaan undang-undang sering diperdebatkan dalam penulisan akademik. Menurut Jasni et al. (2023), ketidakjelasan takrifan gelandangan serta kecenderungan orientasi kawalan dalam akta berkenaan berpotensi menjejaskan keberkesanan intervensi jangka panjang, terutamanya dalam menangani isu-isu struktural seperti kemiskinan bandar dan ketidakstabilan institusi keluarga.

Bagi golongan kanak-kanak, jaminan perlindungan dari segi perundangan disediakan menerusi Akta Kanak-Kanak 2001 yang memberi penekanan kepada kebajikan, perlindungan serta proses pemulihan. Walau bagaimanapun, tahap keberkesanan pelaksanaan dasar berkaitan perlindungan kanak-kanak banyak bergantung pada keupayaan institusi, tahap latihan profesional, serta tahap penyelarasan antara agensi yang terlibat. Wahab, Dahalan, dan Salam (2022) turut menekankan bahawa kecekapan profesional dalam kalangan pihak berkepentingan merupakan faktor utama yang mempengaruhi kejayaan intervensi sosial dan usaha pemulihan kanak-kanak.

Dalam bidang pendidikan, penubuhan Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) menggambarkan kesungguhan negara dalam memastikan akses pendidikan kepada kanak-kanak jalanan dan gelandangan. Penyelidikan oleh Mohammad et al. (2024) mendapati bahawa meskipun prasarana pembelajaran berada pada tahap yang memuaskan, aspek sokongan psikososial serta kestabilan kehidupan kanak-kanak masih menjadi isu utama. Keadaan ini memperlihatkan bahawa usaha pendidikan perlu digabungkan dengan intervensi sosial yang lebih komprehensif bagi mencapai keberkesanan yang lebih menyeluruh.

2. Penyataan Masalah

Walaupun Malaysia telah memperkenalkan pelbagai dasar kebajikan serta mekanisme perlindungan sosial, kewujudan kanak-kanak yang terlibat dalam aktiviti mengemis tetap menjadi satu hakikat dalam masyarakat. Keadaan ini menimbulkan persoalan penting dalam bidang kajian sosial, iaitu mengapa fenomena tersebut masih berlanjutan walaupun pelbagai intervensi institusi telah dilaksanakan.

Isu yang sebenar bukan sekadar aktiviti mengemis, tetapi realiti kehidupan kanak-kanak yang terperangkap dalam lingkaran kemiskinan, ketidakstabilan institusi keluarga dan peminggiran sosial. Pendekatan yang terlalu berfokus kepada aspek penguatkuasaan berisiko mengabaikan dimensi struktur yang lebih mendasar seperti kemiskinan berpanjangan, trauma dalam keluarga, serta keterbatasan akses kepada pendidikan dan perkhidmatan sosial. Jasni et al. (2023) menegaskan bahawa intervensi yang gagal menangani punca asas masalah berkemungkinan besar akan menyebabkan kitaran isu sosial terus berulang.

Dari sudut pandang kerja sosial, permasalahan ini menggambarkan wujudnya jurang antara dasar perlindungan yang digubal dengan situasi sebenar di lapangan. Kanak-kanak gelandangan lazimnya berada dalam keadaan sosial yang mencabar, apabila keperluan untuk kelangsungan hidup harian lebih diutamakan berbanding aspek pendidikan dan pembangunan diri. Sehubungan itu, pendekatan intervensi yang lebih holistik serta berteraskan hak kanak-kanak amat diperlukan bagi menangani isu ini dengan lebih berkesan.

3. Objektif Kertas Konsep

Kertas konsep ini bertujuan untuk:

i. Menghuraikan pengalaman sosial kanak-kanak gelandangan yang terlibat dalam pengemisan.
ii. Menganalisis cabaran utama yang mempengaruhi kesejahteraan dan perkembangan mereka.
iii. Membincangkan implikasi fenomena ini terhadap intervensi kerja sosial.

4. Persoalan Kajian

Kertas konsep ini dipandu oleh beberapa persoalan kajian utama, iaitu:

i. Apakah bentuk pengalaman hidup kanak-kanak gelandangan yang terlibat dalam aktiviti pengemisan di Malaysia?
ii. Apakah cabaran utama yang dihadapi oleh kanak-kanak gelandangan dalam konteks sosial, ekonomi dan psikososial?
iii. Bagaimanakah fenomena pengemisan ini memberi implikasi terhadap reka bentuk intervensi dalam bidang kerja sosial?

5. Kerangka Konseptual

Kerangka teoretikal kajian ini berasaskan Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979) yang menjelaskan bahawa perkembangan kanak-kanak dipengaruhi oleh interaksi pelbagai sistem sosial yang saling berkaitan, iaitu mikrosistem, mesosistem, eksosistem dan makrosistem. Dalam konteks kanak-kanak gelandangan, mikrosistem merangkumi hubungan keluarga dan pengalaman harian, manakala mesosistem melibatkan interaksi antara institusi seperti sekolah dan komuniti. Eksosistem pula merujuk kepada dasar sosial dan struktur bantuan, sementara makrosistem melibatkan nilai budaya, norma sosial serta keadaan ekonomi masyarakat.

Berdasarkan teori ini, kerangka konseptual kajian ini dibangunkan dengan menghubungkan tiga komponen utama, iaitu faktor struktur sosial (seperti kemiskinan bandar dan ketidaksamaan ekonomi), faktor keluarga (seperti disfungsi keluarga dan konflik domestik), serta pengalaman hidup kanak-kanak (seperti pendedahan kepada risiko jalanan dan pengabaian hak). Ketiga-tiga komponen ini saling berinteraksi dan mempengaruhi penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti pengemisan.

Selain itu, pendekatan berasaskan hak kanak-kanak yang berlandaskan Konvensyen Hak Kanak-Kanak (CRC) turut digunakan sebagai asas normatif dalam kerangka ini. Pendekatan ini menekankan bahawa setiap kanak-kanak berhak kepada perlindungan, pendidikan dan kesejahteraan tanpa diskriminasi (UNICEF, n.d.-a). Oleh itu, pengemisan dilihat sebagai manifestasi kegagalan sistem sosial dalam memenuhi hak asas kanak-kanak.

Kerangka konseptual ini seterusnya menghubungkan fenomena pengemisan dengan implikasi terhadap intervensi kerja sosial yang merangkumi tahap mikro (individu dan keluarga), mezzo (komuniti dan institusi) serta makro (dasar dan advokasi sosial). (UNICEF, n.d.-a; OHCHR, n.d.).

6. Perbincangan Konsepsual

Fenomena pengemisan dalam kalangan kanak-kanak gelandangan lazimnya berkait dengan keadaan kemiskinan bandar yang kompleks dan berpanjangan. Dalam suasana tekanan ekonomi, ketidaktentuan pekerjaan serta peningkatan kos sara hidup, keluarga miskin di bandar sering berdepan kekurangan sumber sehingga aktiviti di jalanan dianggap sebagai satu cara untuk meneruskan kelangsungan hidup harian. Dalam situasi ini, pengemisan tidak boleh ditafsirkan sebagai pilihan individu semata-mata, sebaliknya mencerminkan tekanan struktur yang membentuk keputusan keluarga serta pengalaman hidup kanak-kanak. Penyelidikan berkaitan kemiskinan kanak-kanak di Malaysia turut mendapati bahawa krisis ekonomi dan impak pandemik COVID-19 telah memberi kesan ketara terhadap akses

kepada pendidikan, jaminan keselamatan makanan dan kesejahteraan sosial, sekali gus meningkatkan tahap kerentanan kanak-kanak terhadap kehidupan di jalanan (Saari et al., 2021).

Dari perspektif perlindungan sosial, kehidupan di jalanan menempatkan kanak-kanak dalam situasi yang sangat berisiko. Kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak yang hidup dalam konteks jalanan terdedah kepada pelbagai ancaman seperti keganasan fizikal, eksploitasi ekonomi, penyalahgunaan bahan serta trauma psikososial (UNICEF, n.d.-c). Ancaman ini bukan sahaja menggugat keselamatan semasa, malah memberi kesan mendalam terhadap perkembangan emosi, pembentukan identiti sosial dan hala tuju pendidikan mereka. Keciciran daripada sistem persekolahan merupakan antara implikasi paling serius kerana kehilangan akses pendidikan berpotensi mengukuhkan lagi kitaran kemiskinan antara generasi. Walaupun kewujudan Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) mencerminkan komitmen inklusif negara, isu seperti ketidakstabilan kehidupan, kurangnya sokongan keluarga dan stigma masyarakat terus mempengaruhi keberkesanan intervensi dalam jangka panjang (Mohammad et al., 2024).

Kajian lepas turut menekankan kekangan pendekatan yang hanya berasaskan penguatkuasaan dalam menangani isu pengemisan dan gelandangan. Jasni et al. (2023) berhujah bahawa orientasi kawalan sosial tanpa disokong oleh intervensi berasaskan struktur berisiko sekadar memindahkan masalah ke lokasi lain tanpa menyelesaikan punca asasnya. Penekanan yang berlebihan terhadap operasi dan penempatan di institusi boleh mewujudkan kitaran berulang, apabila individu kembali ke jalanan akibat tekanan ekonomi dan sosial yang tidak ditangani secara menyeluruh. Dalam konteks kanak-kanak, pendekatan sedemikian juga berkemungkinan bertentangan dengan prinsip hak serta kesejahteraan yang digariskan dalam CRC (UNICEF, n.d.). Sehubungan itu, fenomena pengemisan wajar difahami sebagai isu sosial yang menuntut analisis struktur serta respons intervensi yang lebih holistik dan komprehensif.

7. Implikasi terhadap intervensi kerja sosial

Kupasan konseptual terhadap fenomena ini memberi kesan langsung kepada peranan serta strategi intervensi dalam bidang kerja sosial. Pada peringkat mikro, amalan kerja sosial perlu memfokuskan kepada penilaian tahap risiko, jaminan keselamatan serta pemulihan psikososial kanak-kanak. Pendekatan yang berasaskan trauma amat penting memandangkan pengalaman hidup di jalanan sering dikaitkan dengan tekanan emosi, rasa tidak selamat dan stigma masyarakat yang berpanjangan. Intervensi pada peringkat individu dan keluarga juga perlu mengambil kira faktor struktur yang membentuk tingkah laku survival, termasuk kemiskinan, konflik dalam rumah tangga dan keterbatasan akses kepada keperluan asas. Saari et al. (2021) menegaskan bahawa tekanan ekonomi keluarga selepas pandemik telah meningkatkan tahap kerentanan sosial kanak-kanak, sekali gus memerlukan intervensi yang lebih peka terhadap realiti ekonomi dan sosial keluarga.

Pada peringkat mezzo, profesion kerja sosial berperanan signifikan dalam memperkukuh rangkaian sokongan komuniti serta mengeratkan hubungan antara pelbagai institusi sosial. Kerjasama antara pihak sekolah, agensi kebajikan, NGO dan komuniti setempat mampu menjamin kesinambungan perlindungan dan seterusnya mengurangkan risiko keciciran yang berulang. Inisiatif pendidikan alternatif seperti Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) membuktikan bahawa akses kepada pendidikan dapat diperluas melalui pendekatan yang inklusif, namun keberkesanannya sangat bergantung pada tahap sokongan sosial dan kestabilan kehidupan kanak-kanak (Mohammad et al., 2024). Justeru, intervensi kerja sosial perlu berfungsi sebagai penghubung strategik yang menyelaraskan pelbagai sistem sokongan secara bersepadu.

Pada peringkat makro, tumpuan utama adalah terhadap advokasi dasar serta memperkasakan struktur sosial. Sebagai satu disiplin profesional, kerja sosial mempunyai tanggungjawab etika dalam memperjuangkan keadilan sosial dan melindungi kelompok yang rentan. Perbincangan tentang dasar berkaitan gelandangan dan pendekatan berasaskan kawalan sosial memperlihatkan keperluan untuk menilai semula hala tuju intervensi supaya lebih sejajar dengan prinsip hak kanak-kanak serta kesejahteraan jangka panjang (Jasni et al., 2023). Pengukuhan sistem perlindungan sosial, sokongan kepada keluarga miskin bandar, dan pelaksanaan mekanisme pencegahan eksploitasi kanak-kanak

merupakan komponen penting dalam usaha mengurangkan risiko pengemisan secara mampan. Perspektif ekologi pula menegaskan bahawa intervensi pada tahap struktur mampu menghasilkan kesan yang lebih menyeluruh berbanding pendekatan yang bersifat terasing atau berfokus tunggal (Bronfenbrenner, 1979).

8. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, fenomena pengemisan dalam kalangan kanak-kanak gelandangan menggambarkan hubungan yang rumit antara kemiskinan bandar, kerapuhan institusi keluarga, peminggiran sosial serta kekangan dalam sistem perlindungan. Pendekatan berteraskan hak kanak-kanak menekankan bahawa isu ini harus ditangani dalam kerangka perlindungan dan kesejahteraan, sementara Teori Ekologi Bronfenbrenner menerangkan bahawa pengalaman hidup kanak-kanak dibentuk melalui interaksi pelbagai sistem sosial yang saling berkaitan. Justeru, respons sosial yang berkesan memerlukan intervensi kerja sosial yang menyeluruh dan bersepadu, merangkumi aspek individu, keluarga, komuniti serta dasar sosial. Pendekatan yang mengutamakan pemulihan, pemerkasaan dan keadilan sosial lebih sejajar dengan prinsip pembangunan manusia serta kesejahteraan kanak-kanak (UNICEF, n.d.-a; Bronfenbrenner, 1979). Dalam konteks Malaysia, usaha melindungi kanak-kanak gelandangan menuntut kerjasama erat antara dasar, institusi dan amalan kerja sosial bagi menjamin hak serta masa depan mereka terus terpelihara.

Rujukan

Bronfenbrenner, U. (1979). *The ecology of human development: Experiments by nature and design*. Harvard University Press.

Jasni, M., Omar, N., Azmy, M., Fikri, S., Noor, A., Hussin, Z., & Rahman, N. (2023). Isu gelandangan di Malaysia: Analisa dari perspektif sosial dan undang-undang (Akta Orang-Orang Papa 1977 [Akta 183*]). UUM Journal of Legal Studies*. https://doi.org/10.32890/uumjls2023.14.1.15

Mohammad, N., Sareh, N., Johar, S., & Tahir, M. (2024). Keberkesanan ruang pembelajaran sedia ada bagi gelandangan kanak-kanak: Kajian kes Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih, Kuala Lumpur. *Jurnal Kejuruteraan*. https://doi.org/10.17576/jkukm-2024-36(6)-23

Office of the United Nations High Commissioner for Human Rights. (n.d.). *Convention on the Rights of the Child.* https://www.ohchr.org

Saari, F., Ismail, W., & Anuar, T. (2021). Implikasi COVID-19 terhadap kemiskinan kanak-kanak. *Teniat, 9*, 126–133. https://doi.org/10.47252/teniat.v9i1.403

UNICEF. (n.d.-a). *Convention on the Rights of the Child*. https://www.unicef.org

UNICEF. (n.d.-c). *Children in street situations*. https://www.unicef.org

Wahab, N., Dahalan, H., & Salam, N. (2022). Modul latihan penasihat mahkamah bagi kanak-kanak di Malaysia. *Jurnal Pembangunan Sosial*. https://doi.org/10.32890/jps2022.25.7